

# Tiga pelajar diambil keterangan kes buli junior

KOSMO!

MS: 17

17/6/2022

**SUNGAI BULOH** – Seramai tiga pelajar lelaki tingkatan empat telah diambil keterangan berhubung kes buli membabitkan seorang pelajar lelaki tingkatan satu di sebuah sekolah menengah di Puncak Alam, Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintendan Shafa'aton Abu Bakar berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu daripada mangsa berusia 13 tahun pada hari sama.

Menurutnya, berdasarkan laporan awal, kejadian itu berlaku kira-kira pukul 12 tengah

hari ketika mangsa berada di tandas sekolah terbabit sebelum didatangi tiga pelajar tingkatan empat sekolah sama.

“Tiga pelajar terbabit dipercayai meminta wang daripada mangsa, namun mangsa memberi alasan bahawa duitnya berada di dalam beg sekolah di bilik darjah.

“Menurut mangsa, salah seorang pelajar terbabit tiba-tiba menghentak kepalanya di lantai tandas sebelum suspek lain mengambil batu dan menghentaknya di lutut.

“Mangsa juga mendakwa cedera di bibir, patah gigi hadapan, hidung, lutut kanan serta sakit di bahagian leher dan menerima rawatan di sebuah klinik di Puncak Alam,” katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Daerah Sungai Buloh di sini semalam.

Bagaimanapun, katanya, hasil soal siasat mendapati, mangsa memaklumkan dia sebenarnya ditolak dan bukan dipukul oleh pelajar-pelajar terbabit sehingga mengakibatkannya terjatuh dan patah gigi.

“Mangsa juga mengakui ke-

cederaan lutut yang dialaminya berlaku beberapa hari sebelum kejadian selepas terjatuh di jalan raya akibat terlanggar bonggol jalan dan bukan disebabkan pukul,” ujarnya.

Mangsa telah dipanggil polis untuk mengenal pasti pelaku melalui kawad cam dengan mengumpulkan pelajar tingkatan empat dan lima di dewan sekolah, namun pelajar itu gagal mengecam suspek.

Kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan kerana menyebabkan kecederaan.



**SHAFATA'ON**